

Persepsi Pelajar Bahasa Jepun Terhadap Program Nihongo Partner Atas Talian *Japanese Language Students' Perceptions on Online Nihongo Partner Program*

Nur Anisah Tan Abdullah^{1*}, Choong Pow Yean², G. Sharina Shaharuddin³, Nor Rasimah Abdul Rashid⁴

^{1, 2, 3 & 4}Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Shah Alam

¹ anistan@uitm.edu.my

² choon322@uitm.edu.my

³ gsharina@uitm.edu.my

⁴ nor_rasimah@uitm.edu.my

*corresponding author

Article history:

Received: 2 July 2021

Accepted: 3 September 2021

Published: 13 September 2021

Abstrak

Program *Nihongo Partner* (NP) di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam (UiTM) merupakan satu program pertukaran pelajar Jepun ke UiTM yang mula dianjurkan oleh Yayasan Jepun sejak 2017. Objektif utama Program NP ialah melibatkan pelajar Jepun dari dua buah universiti di Tokyo yang dihantar untuk membantu pensyarah-pensyarah di UiTM selama 6 minggu dalam pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti bersama pelajar-pelajar UiTM di luar waktu kuliah. Pandemik yang melanda telah menyebabkan Program *Nihongo Partner* (NP) secara bersemuka terpaksa ditangguhkan. Pensyarah-pensyarah bahasa Jepun di UiTM telah mengubah program NP ini ke program atas talian agar ia dapat dimanfaatkan oleh pelajar-pelajar Jepun dan pelajar-pelajar bahasa Jepun di UiTM. Maka, program NP Atas Talian (NPAT) telah diperkenalkan. Setelah program tersebut dilaksanakan, satu kajian kuantitatif telah dijalankan ke atas 487 orang pelajar yang terlibat dengan program NPAT. Maklumbalas soal selidik daripada 465 responden telah digunakan untuk memungut data yang berkaitan dengan persepsi pelajar tentang kekuatan dan kelemahan program NPAT serta cadangan penambahbaikan daripada responden. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan interpretasi min skala lima (5) likert, manakala cadangan penambahbaikan telah dikumpul mengikut kategori untuk tindakan seterusnya. Hasil kajian mendapati responden sangat positif dengan Program NPAT dan ia dapat memanfaatkan pembelajaran bahasa Jepun mereka. NPAT juga didapati boleh meningkatkan kemahiran bertutur dengan sebutan dan intonasi yang betul. Ia juga meningkatkan peluang bertutur dan menambahkan keyakinan responden untuk bertutur bahasa Jepun samada dengan orang Jepun atau rakan sekuliah. Dapatan kajian juga mendapati terdapat responden berasa malu atau takut untuk melakukan kesilapan. Dicalangkan kajian akan datang boleh bertumpu kepada permasalahan tersebut.

Kata kunci: *program Nihongo Partner, atas talian, bahasa Jepun, penutur natif*

Abstract

The Nihongo Partner (NP) Program at University of Technology MARA, Shah Alam (UiTM) is a Japanese student exchange program was first organized by the Japan Foundation in 2017. The main objective of the NP Program is to involve Japanese students from two universities in Tokyo sent to assist lecturers for 6 weeks in teaching and learning as well as organizing activities with UiTM students outside of lecture hours. The pandemic has forced the face-to-face Nihongo Partner (NP) Program to be postponed. Japanese language lecturers have converted the program to virtual engagement so that it can be utilized by Japanese students and Japanese language students in UiTM. Thus, the virtual NP program (NPAT) was introduced. After the program was implemented, a quantitative study was conducted on 487 students involved with the program. Responses from 465 students were used to collect data related to students' perceptions of the strengths and weaknesses of the program and suggestions for improvement. The data were analysed using a five (5) Likert scale mean interpretation. As for the data on "suggestions for improvement" were collected under

the category for "further action". The finding indicated positive respondents on the program and has benefited their Japanese language learning. NPAT was also found to improve speaking skills with correct pronunciation and intonation as well as increased speaking opportunities and students' confidence to communicate with native speakers or their peers. The findings also illustrated that some respondents are embarrassed or afraid to make mistakes. The researcher is in the opinion that this could be a potential area of research.

Keywords: *Nihongo Partner Program, online, Japanese language, native speaker*

Pengenalan

Pengajaran dan pembelajaran suatu bahasa asing dapat lebih dimanfaatkan sekiranya pelajar mempelajari bahasa tersebut daripada guru penutur natif bahasa itu berbanding guru bukan penutur natif (Brady & Hongyu, 2011). Bagi mengatasi masalah ini, Unit Bahasa Jepun di Universiti Teknologi MARA, Shah Alam telah memikirkan satu cara untuk membantu para pelajar yang mempelajari bahasa Jepun agar berpeluang bertutur dengan penutur natif bahasa tersebut. Salah satu caranya adalah melalui Program *Nihongo Partner* anjuran Yayasan Jepun di Kuala Lumpur. Program *Nihongo Partner* ini telah bermula sejak tahun 2017. Ia melibatkan penutur natif yang sedang mengikuti kursus Pengajian Bahasa Jepun di dua buah universiti di Tokyo. Pelajar-pelajar Jepun ini telah dihantar ke sini setiap tahun bagi membantu pensyarah selama lebih kurang 6 minggu. Penutur natif tersebut melibatkan diri mereka dalam aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti bersama-sama pelajar tempatan di luar waktu kuliah. Program *Nihongo Partner* ini membabitkan penutur natif berkomunikasi dengan pelajar. Pembabitan penutur jati ini dibuktikan berkesan untuk menambahkan minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran bahasa (Mahassin, 2018).

Dapatan kajian yang telah dijalankan oleh Choong & *et al.* (2020) telah mendapati bahawa selama 4 tahun Program *Nihongo Partner* telah dilaksanakan, maklumbalas daripada pelajar dan pensyarah sangat memberangsangkan. Kajian ini juga membuktikan bahawa pembabitan penutur natif sangat diperlukan dalam pengajaran dan pembelajaran di UiTM.

Walaupun demikian, pada awal tahun 2020, krisis global akibat penularan covid-19 telah menyebabkan pengajaran dan pembelajaran di semua institut pengajian tinggi terpaksa dilaksanakan secara atas talian. Ekoran daripada itu, Program *Nihongo Partner* secara bersemuka terpaksa ditangguhkan. Adalah diandaikan pembelajaran bahasa secara maya boleh menyebabkan pelajar cepat hilang tumpuan atau rasa bosan sekiranya pelajar hanya berinteraksi dengan pengajar sahaja, pensyarah telah memikirkan alternatif untuk meneruskan Program *Nihongo Partner* ini.

Oleh hal demikian, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sejak 18 Mac 2020 di Malaysia, pada semester Oktober 2020-Jan 2021, Program *Nihongo Partner* Atas Talian (NPAT) telah dilaksanakan. Melalui persetujuan kolaborasi antara universiti di Jepun dan Malaysia, seramai 23 orang pelajar Jepun dari sebuah

universiti di Tokyo telah melibatkan diri dalam NPAT ini. Setiap pelajar Jepun diberi peluang satu kali untuk menghadiri kelas secara virtual. Sebagai persediaan, pensyarah dan pelajar Jepun berhubung melalui emel dan Whatsapp untuk memahami kandungan silibus pada hari kuliah yang telah ditetapkan. Seterusnya pelajar Jepun bekerjasama menjalankan aktiviti dalam kuliah secara dalam talian pada masa tersebut. Antara aktiviti yang telah dilaksanakan oleh pelajar Jepun ialah membantu pensyarah mengajar bahasa Jepun dengan membimbing pelajar membaca kosa kata yang baru, membaca dialog berpasangan dengan pelajar tempatan, berinteraksi dengan pelajar dalam bahasa Jepun, dan aktiviti-aktiviti lain yang dapat menceriakan suasana pembelajaran yang dijalankan melalui pelantar *Google Meet*.

Kajian Literatur

Kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengenal pasti persepsi pelajar-pelajar yang mengikuti program NPAT. Persepsi yang dimaksudkan kajian ini adalah proses di mana seseorang individu memilih, mengatur, dan menafsirkan input maklumat untuk membuat gambaran dunia yang bermakna, seperti yang disebut oleh (Bernard Berelson and Gary A. Steiner, 1964). Menurut Stephen P. Robbins (2003) pula persepsi adalah sebagai proses di mana individu mengatur dan mentafsirkan kesan deria untuk memberi makna kepada persekitaran mereka. Walau bagaimanapun, apa yang dirasakan mempunyai perbezaan ketara dengan realiti objektif. Grafiyana (2015) pula mendefinisikan persepsi sebagai proses mengetahui atau mengenali objek dengan bantuan panca indera. Ini bermaksud seseorang menerima rangsangan dari luar dalam keadaan sedar dan berusaha untuk memahami serta menginterpretasi rangsangan tersebut kepada makna yang dapat difahami. Sebagai kesimpulan, persepsi merupakan satu proses yang mana seseorang individu memilih dan menafsirkan segala maklumat yang diperolehi melalui deria untuk menghasilkan satu pandangan. Satu pemikiran yang secara menetap atau perasaan dan ianya dapat dilihat dalam pandangan dan pendirian seseorang. Pandangan dan pendirian yang berbeza berdasarkan pengalaman atau pengetahuan akan mewujudkan perasaan menerima atau menolak berdasarkan perilaku positif ataupun negatif yang juga akan berubah (Liew dan Mohd, 2020).

Sejak bermulanya pandemik Covid-19 di seluruh dunia, proses pengajaran dan pembelajaran (PnP) sama ada di sekolah ataupun di institusi pengajian turut terkesan. Proses pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka yang menjadi amalan selama ini tidak dapat dijalankan. Melalui kajian oleh Zain (2008) pengajaran bersemuka memerlukan guru untuk memberikan pengajaran dengan kehadiran pelajar secara bersemuka di dewan atau bilik kuliah. Proses PnP bersemuka ini juga memerlukan pengajar melibatkan hubungan interpersonal, sosial dan komunikasi non-verbal dengan pelajar. Sehubungan itu, Zamry dan Nur (2021) menerusi kajian mereka menyatakan bahawa aktiviti pembelajaran dalam situasi yang kondusif mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih dinamik, pembentukan akhlak dan kemahiran tertentu dapat diterapkan

dengan lebih mudah dan berkesan. Demi meneruskan proses PnP semasa pandemik ini, pihak sekolah dan institusi pengajian telah menerapkan proses pembelajaran secara atas talian sebagai salah satu usaha untuk menyambung semula proses PnP yang terhenti akibat pandemik Covid-19. Pembelajaran secara atas talian merupakan pembelajaran yang memanfaatkan pelbagai teknologi dan jaringan untuk menjayakan pembelajaran jarak jauh antara pelajar dengan guru (Nurdyansyah dan Eni, 2016). Hal ini telah dibuktikan melalui kajian oleh Garcia, Díaz & Artunduaga (2017) tentang penggunaan Skype dalam pembelajaran bahasa asing. Mereka mendapati sesi Skype dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran interaksi dan komunikasi sosial dalam persekitaran bilik darjah yang baru. Kegunaan sosial bahasa ini tidak kira keberadaan pelajar di bilik darjah secara fizikal atau tidak. Dalam pelaksanaan pembelajaran secara atas talian, pemilihan aplikasi sangat mempengaruhi proses pembelajaran. Setiap aplikasi mempunyai fungsi dan kemudahan yang berlainan. Menurut Hendy, Dhaniar & Udiana (2017) dalam kajian penggunaan Skype dan Zoom untuk kajian pembelajaran nahu dan perbualan Bahasa Jepun secara bersemuka, penyelidik mendapati penggunaan aplikasi Zoom dan Skype bermanfaat bagi beberapa kawasan yang mempunyai akses liputan internet dan mempunyai bilangan guru Jepun yang terhad. Ciri paparan perkongsian dalam aplikasi yang digunakan untuk webinar telah memenuhi syarat minimum untuk membantu proses pembelajaran dan pengajaran antara lokasi. Keadaan ini telah menyebabkan para pensyarah terpaksa mengubahsuai bahan PnP bagi memenuhi objektif serta kehendak pembelajaran secara atas talian ini. Pelbagai aplikasi seperti Zoom, Skype, Google Meet, Microsoft Teams, Webex Blackboard dan Google Classroom juga telah diperkenalkan kepada para pendidik untuk tujuan tersebut.

Subjek bahasa Jepun merupakan salah satu subjek yang memerlukan pemahaman dan latihan-latihan secara bersemuka yang memerlukan penglibatan aktif pelajar (Fadilah, 2021). Bagi tujuan kajian ini penyelidik telah memilih aplikasi Google Meet (GM) untuk melaksanakan proses PnP Bahasa Jepun secara atas talian supaya pelajar boleh aktif mengikuti aktiviti pembelajaran serta menguasai dan memahami kandungan pembelajaran. Aplikasi GM menyediakan pelantar bersemuka secara atas talian yang boleh menghubungkan mereka meskipun dari jarak jauh serta mampu mengumpulkan ramai pelajar dalam satu masa yang sama. GM juga mampu memberi ruang untuk pelajar dan pengajar berinteraksi secara langsung untuk melakukan aktiviti PnP. GM juga membolehkan interaksi secara bertulis pada masa PnP secara atas talian berlangsung. Hal ini boleh membantu para pelajar meningkatkan penguasaan bahasa dalam bentuk penulisan dan pertuturan. Semasa pembelajaran Bahasa Jepun secara atas talian dijalankan, penglibatan penutur natif dilihat sebagai satu elemen yang boleh dilaksanakan. Justeru itu, Unit Bahasa Jepun UiTM telah mencadangkan Program Nihongo Partner (Program NP) dilaksanakan secara atas talian. Program ini dapat membantu pelajar supaya mereka berpeluang bertutur atau menggunakan bahasa Jepun bersama penutur natif (Choong & *et al.* 2020).

Kajian ini melibatkan Program Nihongo Partner iaitu pelajar-pelajar natif Jepun dan pelajar-pelajar bahasa Jepun UiTM. Pelajar-pelajar natif Jepun akan ditugaskan sebagai pembantu pensyarah selama lebih kurang 6 minggu. Disamping melibatkan diri dalam aktiviti yang berkaitan dengan PnP mereka juga digalakkan berinteraksi dengan pelajar di luar waktu kuliah melalui pelbagai aktiviti budaya. Maklumbalas memberangsangkan diperolehi dari pihak pensyarah dan pelajar (Choong & *et al.* 2020). Ini disokong dengan dapatan kajian Tati (2019) dalam kajian terhadap program Nihongo Partner di sekolah menengah Indonesia. Tati berpendapat tenaga pengajar penutur natif dapat menyuntik semangat serta minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Menurut beliau penutur natif berkebolehan menyebut kosakata Jepun yang lebih tepat serta membantu dalam latihan perbualan dan permainan bahasa. Mahassin (2018) dalam kajiannya juga menunjukkan bahawa pelajar gemar mempelajari bahasa asing bersama dengan penutur natif. Kajian beliau menunjukkan pembelajaran secara atas talian dilihat berjaya membantu pelajar dalam proses pembelajaran tersebut.

Bagi memastikan proses PnP bahasa ketiga iaitu bahasa Arab lebih menarik dan efisien, Ahmad et al (2014) telah mencadangkan agar lebih banyak teknik dengan kemajuan teknologi terkini digabungkan dengan pendekatan proses PnP. Walau bagaimanapun, perkara yang sebaliknya ditemui dalam dapatan kajian Keri dan Sumiko (2010) yang menyelidik mengenai pembelajaran atas talian bahasa Jepun tahap awal di universiti Australia. Kajian mereka menunjukkan pembelajaran atas talian tidak semestinya berjaya. Dalam kajian tersebut menunjukkan bahawa, alat bantuan pembelajaran tidak membantu pelajar untuk berkomunikasi dan menyebabkan pelajar menjadi malu serta pasif dalam pembelajaran. Ini disokong dengan kajian Rosi dan Arsyil (2019) telah mengkaji mengenai penerapan e-pembelajaran dalam Program Bahasa Jepun Universiti Muhammadiyah Yogyakarta dan kesukaran mengaplikasikan e-pembelajaran dari sudut kuliah. Kajian deskriptif ini melibatkan seramai 65 orang pelajar kursus bahasa Jepun dan data diperolehi dari pemerhatian yang dibuat ketika kursus dan temuduga semasa kuliah. Dapatan kajian ini menunjukkan pelajar banyak menghadapi masalah teknikal dan sering melengahkan penghantaran tugas pelajar. Disamping itu pensyarah juga menghadapi kekangan akses liputan.

Pernyataan Masalah

Penglibatan 23 orang penutur natif dalam kuliah Bahasa Jepun atas talian telah berlangsung selama 4 minggu. Bilangan pelajar yang terlibat dalam aktiviti atas talian adalah seramai 487 orang. Pada pengamatan pengkaji, ramai daripada pelajar telah berkongsi kepuasan mereka semasa diminta memberi pendapat tentang penglibatan penutur natif di waktu kuliah. Banyak komen yang positif juga diberi oleh pelajar. Rata-rata berharap program ini dapat diteruskan pada masa depan sekiranya kuliah atas talian masih dikekalkan. Namun, apakah pandangan pelajar selepas penyertaan pelajar Jepun dalam kelas Bahasa Jepun atas talian mereka?

Sejauh manakah NPAT telah memberi manfaat kepada pelajar atau sebaliknya dalam pembelajaran bahasa Jepun atas talian? Apakah langkah-langkah penambahbaikan Program NPAT boleh dilakukan?

Memandangkan cabaran dan kesan Program NPAT adalah sangat berbeza dengan Program *Nihongo Partner* secara bersemuka, maka satu kajian mengenalpasti persepsi pelajar bahasa Jepun terhadap penglibatan penutur natif dalam kuliah atas talian difikirkan perlu dijalankan. Satu soal selidik telah disediakan untuk membantu pungutan data kajian ini.

Objektif Kajian

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mendapat maklumbalas persepsi pelajar tentang Program NPAT:

1. Menenalpasti kekuatan dan kelemahan Program NPAT
2. Mengumpul maklumat daripada pelajar bagi tujuan penambahbaikan

Metadologi

Kajian ini dijalankan melalui pendekatan kuantitatif. Data yang dikumpul telah dianalisis dan dibincangkan. Satu set soal selidik telah disediakan. Soal selidik telah dijalankan ke atas semua pelajar, iaitu 487 orang yang telah menghadiri program tersebut. Hasil dapatan mendapati 465 orang pelajar telah menjawab soal selidik secara sukarela. Responden terdiri daripada pelajar tiga gugusan, iaitu, i) Gugusan Sains dan Teknologi, ii) Gugusan Pengurusan dan Perniagaan, iii) Gugusan Sains Sosial dan Kemanusiaan. Responden terdiri daripada pelajar-pelajar bahasa Jepun daripada Tahap 1, 2 & 3 daripada 11 buah fakulti. Mereka telah menjawab secara sukarela.

Terdapat 32 soalan dalam soal selidik yang disediakan. Soalan-soalan tersebut dibahagikan kepada dua (2) bahagian dan bahagian kedua dipecahkan kepada lima (5) bahagian lagi, iaitu:


- 3.1.1 Bahagian A: Latar belakang responden
- 3.1.2 Bahagian B: Maklumbalas responden terhadap:
 - 3.1.2.1: Reaksi responden apabila dimaklumkan tentang program tersebut
 - 3.1.2.2: Reaksi responden sebelum kuliah
 - 3.1.2.3: Reaksi responden semasa kuliah
 - 3.1.2.4: Reaksi responden selepas kuliah
 - 3.1.2.5: Komen dan cadangan responden untuk penambahbaikan program.

Bagi menjawab soalan bahagian B, responden diminta menjawab soalan lima (5) skala likert dan pelajar diminta menulis komen dan cadangan di ruang yang disediakan. Analisis telah dijalankan dengan

menggunakan interpretasi min skala 5 likert yang telah diadaptasi daripada Nor Eeza, Tajul & Jamil (2019). Bahagian terakhir soal selidik telah dianalisis dengan membahagikan komen dan cadangan mengikut kategori.


Dapatan Kajian

Kajian ini telah melibatkan seramai 465 orang responden daripada 11 fakulti. Pecahan fakulti adalah sepertimana yang ditunjukkan di Carta 1.



Carta 1: Pecahan responden mengikut fakulti

Responden terdiri daripada 329 (70.8%) responden perempuan dan 136 (29.2%) responden lelaki. Mereka terdiri daripada remaja berumur dalam lingkungan 19 tahun hingga 24 tahun.




Carta 2: Pecahan responden mengikut jantina

Seramai 75.1% mendapat peluang untuk belajar bahasa Jepun setelah mengikuti pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Selebihnya, iaitu 24.9%, pernah belajar bahasa Jepun sebelum mengikuti

pengajian ke IPTA. Mereka telah mempelajari bahasa tersebut dengan pelbagai cara seperti, belajar sendiri, belajar secara rasmi di sekolah, dan terdapat juga yang belajar dengan rakan mereka.

Pernahkah anda belajar bahasa Jepun sebelum melanjutkan pelajaran ke IPTA?

465 responses




Carta 3: Pecahan latar belakang responden dalam pembelajaran bahasa Jepun.

Latar belakang tahap bahasa Jepun responden dapat dilihat di carta 4. Majoriti responden yang telah menjawab soal selidik ini terdiri daripada pelajar-pelajar tahap tiga (45.8%), diikuti dengan pelajar tahap satu (36.8%) dan tahap dua (17.4%).

Tahap bahasa Jepun

465 responses




Carta 4: Pecahan peratusan responden mengikut tahap pembelajaran bahasa Jepun

Soal selidik bahagian B ini juga telah bertanyakan pendapat responden berdasarkan beberapa situasi. Berikut adalah dapatan bahagian B mengikut kiraan min. Penilaian data adalah menggunakan interpretasi skor min berskala 5 seperti di dalam Jadual 1.

Jadual 1. Interpretasi skor min - skala 5 (adaptasi daripada Nor Eeza, Tajul & Jamil, 2019)


Skor min	Tahap
1.00 hingga 1.80	sangat rendah
1.81 hingga 2.60	rendah
2.61 hingga 3.40	sederhana
3.41 hingga 4.20	tinggi
4.21 hingga 5	sangat tinggi

Graf 1: Reaksi responden semasa dimaklumkan tentang program ini.



Graf 1 menunjukkan reaksi responden semasa dimaklumkan tentang pelaksanaan program NPAT. Nilai min yang sangat tinggi telah didapati untuk pernyataan “Saya suka kuliah bahasa Jepun melibatkan pelajar Jepun”, iaitu, (4.53) dan “Saya ternanti-nanti kuliah yang melibatkan penutur jati” (4.38). Nilai min adalah rendah untuk pernyataan “Saya menjadi stress apabila mengetahui kehadiran pelajar Jepun di kuliah” (1.92) dan sangat rendah untuk pernyataan “Saya hilang minat untuk belajar bahasa Jepun bila dimaklumkan tentang program ini” (1.57). Ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden tidak berasa tertekan dengan kehadiran pelajar Jepun dalam kelas bahasa Jepun mereka. Responden ternanti-nanti peluang yang mereka dapat berinteraksi dengan penutur natif yang tidak pernah berlaku dalam pengalaman mereka selama ini. Responden juga menunjukkan sikap positif mereka terhadap Program NPAT yang mana mereka mengambil inisiatif membuat persediaan untuk kuliah yang akan melibatkan pelajar Jepun (3.93). Reaksi responden semasa dimaklumkan tentang pelaksanaan program NPAT adalah positif.

Graf 2: Reaksi responden sebelum kuliah



Reaksi responden sebelum kuliah penglibatan program NPAT telah ditunjukkan dalam Graf 2. Berdasarkan skala interpretasi nilai min, keenam-enam pernyataan menunjukkan nilai min yang sederhana (3.18, 2.88, 3.02, 3.29, 3.16, 3.33). Responden kelihatan kurang pasti tentang reaksi sendiri sebelum menyertai kuliah yang membabitkan penutur jati. Ini besar kemungkinan disebabkan oleh ramai di antara responden tidak mempunyai pengalaman menyertai kuliah yang melibatkan penutur natif sebelum ini.


Graf 3: Reaksi responden semasa kuliah



Seperti yang ditunjukkan dalam Graf 3, hasil dapatan menunjukkan nilai min yang sangat tinggi pada pernyataan “Saya seronok mendengar perbualan dalam bahasa Jepun antara pensyarah dan pelajar Jepun” (4.41), “Saya lebih peka bagaimana menyebut bahasa Jepun dengan betul” (4.28), “Saya lebih peka bagaimana
 Universiti Teknologi MARA, Vol. 5, No. 3, 2021

untuk bertutur dengan intonasi yang betul” (4.27) dan “Kuliah dijalankan dengan lebih seronok” (4.25). Responden memberi maklumbalas bahawa mereka menikmati keberadaan penutur natif dengan nilai min 4.05 untuk pernyataan “Saya gembira sebab saya faham apa yang dibualkan antara pensyarah saya dengan pelajar Jepun” dan “Saya seronok dengan kuliah” (4.03). Secara keseluruhannya, responden telah menunjukkan rasa kegembiraan dan kepuasan mereka dengan penglibatan NPAT dalam kuliah mereka.

Graf 4: Reaksi responden selepas kuliah



Graf 4 merupakan skor min mengenai reaksi responden selepas kuliah bahasa Jepun yang melibatkan program NPAT. Nilai min yang tinggi (4.19) menunjukkan bahawa responden menanti-nanti lebih banyak program yang mirip program NPAT dengan nilai min yang tinggi. Nilai min yang tinggi juga didapati untuk pernyataan “Saya gembira diberi peluang untuk bertutur bahasa Jepun dengan penutur natif” (4.14) , “Sebutan bahasa Jepun saya bertambah baik” (3.81), “Saya dapat meniru cara pelajar Jepun tersebut bertutur” (3.80), “Saya dapat bertutur dalam bahasa Jepun dengan intonasi yang lebih baik” (3.77), “Saya lebih yakin bertutur dalam bahasa Jepun” (3.67) dan “Saya lebih yakin bertutur dengan orang Jepun” (3.56). Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti daripada responden berasa gembira diberi peluang untuk bertutur bahasa Jepun dengan penutur natif. Responden berasa gembira dengan Program NPAT yang telah memberi peluang kepada mereka mendengar sebutan penutur jati dan seterusnya meningkatkan kemahiran bertutur dan berkeyakinan semasa bertutur bahasa Jepun.

Jadual 2: Komen berkaitan kekuatan dan kelemahan Program NPAT

Bil	Kategori	Komen
1.	Kualiti Program	<p>program yang bagus</p> <p>memperbanyakkan program yang sedemikian</p> <p>peluang keemasan bagi pelajar Malaysia dan Jepun</p> <p>program yang dapat dimanfaatkan</p> <p>program ini membolehkan pelajar mendapat kawan Jepun yang baharu</p> <p>kuliah yang menyeronokkan</p> <p>memudahkan pelajar memahami pelajaran</p>
2.	Manfaat kepada Pengajaran dan Pembelajaran bahasa Jepun, budaya, dan pertuturan	<p>membantu memperkukuhkan kemahiran bercakap</p> <p>pelajar mendapat peluang untuk latihan pertuturan dan memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi</p> <p>membolehkan pelajar bertutur secara semulajadi dengan penutur jati</p> <p>pengalaman yang bagus untuk pelajar kerana dapat bertutur dengan penutur jati</p> <p>program ini membantu pelajar untuk bercakap dengan intonasi yang betul</p> <p>program ini dapat menggalakkan pelajar dan penutur jati lebih bersifat terbuka antara satu sama lain</p> <p>program ini dapat membina keyakinan pelajar mengguna bahasa Jepun</p> <p>dengan kehadiran penutur jati, pelajar dapat menghayati perbualan dalam bahasa Jepun yang sebenarnya</p> <p>pelajar mendapat pendedahan yang baik berkaitan dengan bahasa dan budaya Jepun</p>

		program ini membantu pelajar untuk mempelajari bahasa Jepun
3.	Kelemahan	membenarkan pelajar bebas berbual dengan penutur jati dan tanpa berfokus pada silabus
		memanjangkan lagi waktu program agar pelajar mempunyai masa dan peluang yang lebih untuk berinteraksi dengan penutur jati

Jadual 2 merupakan komen yang diperolehi daripada hasil dapatan soal selidik. Dapatan tersebut telah dibahagikan kepada tiga (3) kategori, iaitu, kualiti program NPAT, manfaat kepada PnP bahasa Jepun, budaya dan pertuturan responden. Kedua-dua kategori ini dilihat sebagai kekuatan program NPAT. Kategori yang ketiga adalah kelemahan program yang perlu disemak semula untuk penambahbaikan untuk seri-seri yang akan datang.

Jadual 3: Cadangan untuk penambahbaikan Program NPAT

Bil.	Kategori	Cadangan
1.	Peluang berinteraksi dengan penutur natif	memperbanyakkan lagi interaktif dengan penutur jati
		memperbanyakkan sesi soal jawab dengan penutur jati
		mengadakan kuliah bersama penutur jati yang lebih ramai supaya pelajar dapat banyak berinteraksi
		mewajibkan setiap pelajar menyediakan satu soalan
2.	Mempelbagaikan bentuk aktiviti bersama penutur natif	memberi kebebasan kepada pelajar untuk menerokai bahasa Jepun dengan penutur jati
		mengadakan sesi mentor dan mentee
		membenarkan pelajar dan penutur jati teruskan aktiviti secara tidak formal selepas kuliah

		memperbanyak masa dan peluang penutur jati terlibat dalam sesi pengajaran dan pembelajaran
		pelajar mengharapkan agar lebih banyak sokongan dan bimbingan dapat diberi semasa sesi pengajaran dan pembelajaran
		adakan sesi tutorial selepas kuliah
3.	Peningkatan kualiti penutur natif	melibatkan pensyarah bahasa Jepun (penutur jati) dalam kuliah
		kuliah akan menjadi lebih menarik jika penutur jati dapat bertutur dalam bahasa Inggeris juga
		adakan juga sesi memperkenalkan budaya Jepun dengan penutur jati
		melibatkan lebih ramai penutur jati dalam satu kuliah
		menggalakkan juga penutur jati bertanya soalan kepada pelajar
		memperbanyakkan sesi bersama penutur jati sepanjang satu semester
4.	Program Pos-pandemik	selepas pandemik, program ini boleh diteruskan dengan kehadiran penutur jati di kuliah
		selepas pandemik, mungkin boleh merancang satu program ke Jepun

Jadual 3 merupakan cadangan yang telah diberi oleh responden untuk penambahbaikan program NPAT ini. Cadangan-cadangan tersebut telah dibahagikan kepada empat (4) kategori, iaitu, Peluang berinteraksi dengan penutur natif oleh responden, mempelbagaikan lagi bentuk aktiviti bersama penutur natif, mempertingkatkan lagi kualiti penutur natif, dan program pos-pandemik yang boleh diadakan.

Perbincangan

Dapatan kajian ini menunjukkan responden memberi maklumbalas persepsi yang positif tentang program NPAT ini. Daripada interpretasi min yang dibentangkan juga memperlihatkan bahawa program ini diterima baik oleh responden. Dapatan daripada kajian ini menyokong hasil kajian Mahassin (2018) yang menyatakan bahawa pelajar gemar mempelajari bahasa asing bersama dengan penutur natif. Pembelajaran secara atas talian NPAT juga dilihat berjaya membantu pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Jepun seperti dinyatakan oleh Mahassin.

Program NPAT juga didapati mempunyai lebih kekuatan daripada kelemahan. Responden menyatakan kuliah bersama penutur natif ini adalah bagus dan menyeronokan. Ia memberi peluang keemasan kepada mereka untuk mempelajari bahasa Jepun dengan betul dan mendapat kawan penutur natif. Program NPAT ini juga disetujui oleh responden yang ia bukan sahaja membantu PnP bahasa Jepun, tetapi juga membenarkan mereka mempelajari budaya Jepun dengan berinteraksi dengan penutur natif semasa program dijalankan. Responden juga mendapati mereka dapat bertutur dengan baik, berkeyakinan dan dengan intonasi serta sebutan yang betul. Dapatan ini juga didapati di dalam kajian yang dijalankan oleh Tati (2019). Tati mendapati penutur natif dapat menyuntik semangat serta minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Jepun. Selain daripada itu, penutur natif berkebolehan menyebut kosakata Jepun dengan lebih tepat dan ini sangat membantu pelajar beliau dalam perbualan bahasa Jepun.

Walau bagaimanapun, terdapat juga komen yang menyatakan terdapat kelemahan dalam program NPAT. Responden mendapati bahawa mereka tidak diberi kebebasan untuk memilih topik perbualan dengan penutur natif. Tambahan lagi, jangka masa yang diperuntukan adalah singkat. Kedua-dua perkara ini akan dibincang dan disemak semula berdasarkan keperluan program memandangkan program ini juga menghadapi kekangan masa sepanjang pelaksanaannya.

Dapatan terakhir yang terkumpul adalah cadangan penambahbaikan oleh responden. Bahagian ini telah dikategori kepada empat (4) bahagian. Peluang berinteraksi dengan penutur natif diminta untuk dipanjangkan dan juga penambahan bilangan penutur natif merupakan antara cadangan yang dikemukakan. Selain daripada itu, responden juga meminta agar aktiviti program ini tidak hanya dihadkan pada waktu kuliah sahaja. Hal ini mungkin boleh diadakan tetapi perlu mendapat persetujuan pihak universiti di Jepun. Ini adalah kerana pelajar-pelajar yang terlibat perlu menghadiri kuliah dan kegiatan kokurikulum universiti masing-masing. Tambahan juga pelajar-pelajar Jepun ini mungkin membuat kerja sambil di luar waktu kuliah mereka. Peningkatan kualiti penutur natif juga memerlukan perbincangan selanjutnya dengan pihak universiti di Jepun. Ini adalah kerana terdapat limitasi dalam pemilihan pelajar Jepun untuk menyertai program ini. Salah satu cadangan aktiviti pos-pandemik yang diutarakan adalah menjadikan program NPAT ini dijalankan secara bersemuka.

Dengan kata lain, program NPAT ini kembali sepertimana program asal, iaitu program *Nihongo Partner*. Hal ini memang sangat-sangat dinanti-nantikan oleh pihak universiti di Jepun dan juga UiTM. Program belajar sambil lawatan ke Jepun juga boleh dipertimbangkan memandangkan kini UiTM telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan kedua-dua universiti di Jepun. Tambahan lagi polisi satu pelajar satu passport yang dilancarkan oleh mantan Naib Canselor UiTM memang menggalakkan pelajar-pelajar untuk menyertai program pertukaran untuk menimba ilmu dan pengalaman serta menerapkan budaya sihat dan positif daripada negara yang dilawati.

Implikasi

Secara keseluruhannya didapati program ini dapat dimanfaatkan oleh responden bukan sahaja akademik, bahkan program ini dapat meningkatkan keyakinan responden dalam menggunakan bahasa Jepun samada di kalangan rakan sebaya atau dengan orang Jepun. Hubungan responden dengan pelajar Jepun membolehkan mereka meluaskan lagi *networking* mereka. Ini dapat dimanfaatkan oleh kedua-dua pihak, iaitu responden maupun pelajar Jepun pada masa akan datang. Diharapkan lebih banyak program sedemikian dapat dijalankan agar dapat dimanfaatkan oleh pelajar bahasa Jepun dan pelajar Jepun kelak.

Cadangan kajian akan datang

Dapatan kajian ini mengenalpasti maklumbalas persepsi responden terhadap program NPAT yang telah dijalankan. Walau bagaimanapun kajian ini mempunyai limitasi. Dalam dapatan terdahulu, terdapat responden yang menyatakan mereka takut untuk melakukan kesilapan semasa sesi bersama penutur natif. Dapatan ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Rozita & Nor (2019). Dapatan kajian ini juga mendapati bahawa pelajar-pelajarnya yang mempelajari bahasa Spanyol takut dan malu untuk melakukan kesilapan semasa sesi bersama-sama penutur natif. Kajian ini mendapati permasalahan ini boleh dikurangkan dengan menggunakan perantaraan laman sembang. Pelajar yang selalunya menghadapi masalah ini adalah mereka yang mempunyai tahap penguasaan bahasa sasaran yang rendah. Dapatan kajian ini boleh dijadikan landasan untuk perancangan kajian selanjutnya.

Rujukan

Ahmad Mokhtar, Z., & Lakman, N. A. (2021). Peralihan Dari Pembelajaran Bersemuka Ke Pembelajaran Secara Atas Talian Untuk Subjek Mechanics of Civil Engineering Structures semasa Pandemik COVID-19. *ANP Journal of Social Science and Humanities*, 2(2), 11-18.
<https://doi.org/10.53797/anpjssh.v2i2.2.2021>

- Amiruddin, Ahmad Zaki & Hassan, Ahmed & Abdul Rahman, Ahmad & Rahman & Nor & Abu Bakar & Shahrman (2014). Penggunaan Aplikasi Atas Talian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Ketiga: Pengenalan Kepada Quizlet.Com. <http://umkeprints.umk.edu.my/id/eprint/2755>
- Bernard Berelson and Gary A. Steiner (1964), *Human Behavior: An Inventory of Scientific Findings*. New York: Harcourt Brace Jovanovich.
https://www.researchgate.net/publication/235362523_Marketing_Management_The_Millennium_Edition
- Brady A. C. & Hongyu H. (2011). Effective Native and Non-Native Teacher Rotation to Benefit Foreign Language Learning. https://www.usma.edu/cfe/Literature/Huang_11.pdf
- Choong, P.Y. et al. (2020). The involvement of native speakers in teaching and learning Japanese language at UiTM. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics (IJMAL)*, 4 (3), 14-26. <https://doi.org/10.24191/ijmal.v4i3.8545>
- Dharma, Hendy & Asmarani, Dhaniar & Dewi, Udiana. (2017). Basic Japanese Grammar and Conversation e-learning through Skype and Zoom Online Application. *Procedia Computer Science*. 116, 267-273. <https://doi.org/10.1016/j.procs.2017.10.055>
- Garcia, S., Díaz, R. & Artunduaga, M. (2017). Skype Sessions as a way to provide additional oral practice of English university students. *Colomb. appl. linguist. j.*, 20(1), 62-78. <https://doi.org/10.14483/22487085.10826>
- Grafiyana, Gisella Arnis (2015). Pengaruh Persepsi Label Peringatan Bergambar Pada Kemasan Rokok Terhadap Minat Merokok Mahasiswa Universitas Islam Negeri Maulana Malik Ibrahim Malang. http://etheses.uin-malang.ac.id/1660/6/11410100_Bab_2.pdf
- Gibreel, Mahasin. (2018). The Impacts of Employing Native Speakers for Teaching English as a Second Language. University of Bakht Alruda, *Refereed Quarterly Scientific Journal Issue No.24 June 2018* https://www.researchgate.net/publication/330839110_The_Impacts_of_Employing_Native_Speakers_for_Teaching_English_as_a_Second_Language
- Hanifatul Fadilah (2021) Efektivitas Pelaksanaan Pembelajaran Daring Bahasa Jepang Melalui Zoom Meeting Dengan Hasil Belajar Siswa Di Sman 1 Kauman. <https://jurnalmahasiswa.unesa.ac.id/index.php/hikari/article/view/36598/32556>
- Keri M.& Sumiko I. (2010) Students' perception of supplementary, online activities for Japanese language learning: Groupwork, quiz and discussion tools. *University of New South Wales Australasian Journal of Educational Technology* 2010, 26(7), 966-979. <https://ajet.org.au/index.php/AJET/article/view/1028/289>

- Liew, P. H. & Mohd Matora, M. E. (2020). "Persepsi dalam Penggunaan Flipped Classroom dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan (Pdpc): Sorotan Literatur Bersistematik", *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(12), 188 – 200. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i12.565>.
- Nurdyansyah & Fahyuni, Eni Fariyatul (2016). Inovasi Model Pembelajaran Sesuai Kurikulum 2013 <http://eprints.umsida.ac.id/296/>
- Nor Eeza, Tajul & Jamil (2019). Kualiti Perkhidmatan Fasiliti Sukan di Universiti Awam Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia 44(1) Isu Khas (2019)*, 55-66. DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2019-44.01SI-05>
- Romaña Correa, Y. (2015). Skype™ conference calls: A way to promote speaking skills in the teaching and learning of English. *PROFILE Issues in Teachers' Professional Development*, 17(1), 143-156. <http://dx.doi.org/10.15446/profile.v17n1.41856>.
- Rosi Rosiah and Arsyl Machawan. (2019). Application of e-Learning in Japanese Learning at Japanese Language Education Program of Universitas Muhammadiyah Yogyakarta, *Advances in Social Science, Education and Humanities Research, volume 353 Third International Conference on Sustainable Innovation 2019 – Humanity, Education and Social Sciences (IcoSIHESS 2019)*, 189-194. <https://doi.org/10.2991/icosihess-19.2019.31>
- Rozita C.& Nor S. (2019) Komunikasi Mediasi Komputer Secara Sinkronus (KMK-S) dalam Proses Pembelajaran Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing. *Jurnal Linguistik*, 23(1), 41-50. <https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/article/view/58>
- Stephen P. Robbins, Timothy A. Judge. (February 2003). *Journal of Applied Psychology*, 160–169. [https://www.google.com/search?q=Stephen+P.Robbins+\(2003%3A+169\)&rlz=1C1SQJL_enMY960MY960&oq=Stephen+P.Robbins+\(2003%3A+169\)&aqs=chrome..69i57.1010j0j15&sourceid=chrome&ie=UTF-8](https://www.google.com/search?q=Stephen+P.Robbins+(2003%3A+169)&rlz=1C1SQJL_enMY960MY960&oq=Stephen+P.Robbins+(2003%3A+169)&aqs=chrome..69i57.1010j0j15&sourceid=chrome&ie=UTF-8)
- Tati Rahayu. (2019). Analisis Pengajaran Bahasa Jepang Oleh Nihongo Partners Di SMA YSKI Semarang. Fakultas Bahasa Dan Seni Universitas Negeri Semarang 2302414007maria.pdf (unnes.ac.id)
- Zain Hazmi Bin Zain Baharin. (2008). Keberkesanan Pembelajaran Dalam Talian Dan Kesannya Terhadap Kepuasan Belajar Dan Pencapaian Pelajar Di Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Ipoh. Disertasi Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Multimedia Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim. https://ir.upsi.edu.my/files/docs/2020/2850_2850.pdf

Lampiran:

Soal selidik bahagian B

Bahagian ini membolehkan penyelidik mendapat maklumat daripada responden berdasarkan beberapa situasi. Responden diminta menjawab mengikut skala likert satu (1) hingga lima (5) seperti jadual dibawah.

Skala Likert				
1	2	3	4	5
sangat tidak setuju	tidak setuju	tidak pasti	setuju	sangat setuju

Jadual A: Reaksi responden semasa dimaklumkan tentang program ini.

Item	Bilangan Responden mengikut Skala Likert				
	1	2	3	4	5
Saya suka kuliah bahasa Jepun melibatkan pelajar Jepun	2	1	18	172	272
Saya ternanti-nanti kuliah yang melibatkan penutur jati	4	8	28	191	234
Saya menjadi stress apabila mengetahui kehadiran pelajar Jepun di kuliah	202	158	52	45	8
Saya hilang minat untuk belajar bahasa Jepun bila dimaklumkan tentang program ini	285	134	18	19	9
Saya lebih berusaha membuat persediaan untuk kuliah	5	22	81	250	107

Jadual B: Reaksi responden sebelum kuliah

Item	Bilangan Responden mengikut Skala Likert				
	1	2	3	4	5
Saya buat persediaan soalan-soalan yang akan saya bertanya semasa sesi berinteraksi dengan pelajar Jepun	17	99	161	158	30
Saya yakin untuk bertutur dengan pelajar Jepun	28	147	161	113	16
Saya yakin untuk bertutur dalam bahasa Jepun	21	126	157	143	18
Saya dapat menyebut bahasa Jepun dengan betul	8	90	148	195	24
Saya dapat bertutur dalam bahasa Jepun dengan intonasi yang betul	9	107	175	148	26
Saya yakin rakan sekuliah dan pelajar Jepun memahami bahasa Jepun yang dipertuturkan oleh saya	14	63	174	183	31

Jadual C: Reaksi responden semasa kuliah

Item	Bilangan Responden mengikut Skala Likert				
	1	2	3	4	5
Saya lebih takut untuk membuat kesilapan	29	80	107	192	57
Saya lebih stress	130	206	82	40	7
Saya seronok dengan kuliah	5	18	69	241	132
Kuliah dijalankan dengan lebih seronok	4	9	47	212	193

Saya lebih peka bagaimana untuk menyebut dalam bahasa Jepun dengan betul	2	7	48	208	200
Saya lebih peka bagaimana untuk bertutur dengan intonasi yang betul	3	9	50	200	203
Saya seronok mendengar perbualan dalam bahasa Jepun antara pensyarah saya dan pelajar Jepun	3	6	35	176	245
Saya gembira sebab I faham apa yang dibualkan antara pensyarah saya dan pelajar Jepun	6	20	74	208	157

Jadual D: Reaksi responden selepas kuliah

Item	Bilangan Responden mengikut Skala Likert				
	1	2	3	4	5
Saya ternanti-nanti dengan lebih program yang mirip program ini	8	17	53	198	191
Saya lebih yakin bertutur dengan orang Jepun	9	50	139	207	60
Saya lebih yakin bertutur dalam bahasa Jepun	7	35	129	228	66
Sebutan bahasa Jepun saya bertambah baik	6	25	103	249	82
Saya dapat bertutur dalam bahasa Jepun dengan intonasi yang lebih baik	6	33	99	252	75
Saya gembira diberi peluang untuk bertutur bahasa Jepun dengan penutur jati	4	9	61	235	156
Saya dapat meniru cara pelajar Jepun tersebut bertutur	7	38	95	224	101